

PERANAN PROGRAM INDUSTRI DALAM KAMPUS (IOC) TERHADAP KETERSEDIAAN PELAJAR DIPLOMA PENGURUSAN HOTEL PMKL MEMASUKI INDUSTRI PEKERJAAN

THE ROLE OF THE ON-CAMPUS INDUSTRY PROGRAM (IOC) IN PREPARING DIPLOMA IN HOTEL MANAGEMENT STUDENTS OF PMKL FOR ENTRY INTO THE WORKFORCE

Rizuan Zainal¹

¹ Politeknik METrO Kuala Lumpur, 53300 Kuala Lumpur
(E-mail: rizuanzainal@pmkl.edu.my)

Article history

Received date : 15-2-2025
Revised date : 16-2-2025
Accepted date : 24-3-2025
Published date : 15-4-2025

To cite this document:

Zainal, R. (2025). Peranan Program Industri dalam Kampus (IOC) terhadap Ketersediaan pelajar Diploma Pengurusan Hotel PMKL memasuki industri pekerjaan. *Jurnal Penyelidikan Sains Sosial (JOSSR)*, 8 (26), 305 - 311.

Abstrak: Kajian ini mengkaji peranan Program Industri Dalam Kampus (IOC) terhadap kesiapsiagaan pelajar Diploma Pengurusan Hotel Politeknik METrO Kuala Lumpur (PMKL) untuk memasuki industri pekerjaan. Isu utama yang dibincangkan adalah jurang antara pengetahuan akademik dan keperluan industri sebenar, walaupun latihan industri telah dilaksanakan. Kajian ini bertujuan untuk menilai sejauh mana keberkesanan Program IOC dalam memenuhi keperluan industri dan meningkatkan kebolehpasaran pelajar. Sampel kajian terdiri daripada 50 pelajar Diploma Pengurusan Hotel yang telah menjalani latihan praktikal di hotel. Sampel dipilih menggunakan teknik pensampelan rawak, dan data dikumpulkan melalui soal selidik atas talian menggunakan Google Form. Analisis deskriptif digunakan untuk menentukan tahap persetujuan responden terhadap keberkesanan program ini berdasarkan skor min. Hasil kajian menunjukkan bahawa program IOC memberi impak positif yang signifikan terhadap pelbagai aspek, termasuk peningkatan kemahiran teknikal, pemahaman keperluan industri, dan keyakinan pelajar untuk bekerja dalam sektor perhotelan. Selain itu, pelajar juga memperoleh kemahiran insaniah seperti komunikasi, kepimpinan, dan penyelesaian masalah yang relevan dengan kehendak majikan. Secara keseluruhan, Program IOC didapati berkesan dalam merapatkan jurang antara teori akademik dan amalan industri sebenar. Kajian ini menyumbang kepada literatur tentang keberkesanan kerjasama institusi-industri dan memberi panduan kepada institusi TVET untuk memperbaiki reka bentuk program latihan industri pada masa hadapan.

Kata kunci: Program Industri Dalam Kampus, IOC, Kesiapsiagaan Pelajar, Kebolehpasaran, Latihan Industri, Diploma Pengurusan Hotel.

Abstract: *This study explores the role of the Industry On Campus (IOC) Program in preparing Diploma in Hotel Management students at Politeknik METrO Kuala Lumpur (PMKL) for employment in the hospitality industry. The main issue discussed is the gap between academic knowledge and actual industry needs, despite the implementation of industrial training. The aim of this study is to evaluate the effectiveness of the IOC Program in meeting industry demands and enhancing students' employability. The study sample consisted of 51 Diploma in Hotel Management students who had completed their practical training in hotels. The sample was selected using random sampling techniques, and data was collected through an online questionnaire via Google Forms. Descriptive analysis was used to determine the level of respondents' agreement on the program's effectiveness based on mean scores. The findings show that the IOC Program has a significant positive impact on various aspects, including the improvement of technical skills, understanding of industry expectations, and students' confidence in working within the hospitality sector. In addition, students also developed soft skills such as communication, leadership, and problem-solving, which are highly relevant to employer demands. Overall, the IOC Program was found to be effective in bridging the gap between academic theory and real-world industry practice. This study contributes to the literature on the effectiveness of institution-industry collaboration and offers insights for TVET institutions to improve the design of future industrial training programs.*

Keywords: *Industry On Campus Program, IOC, Student Readiness, Employability, Industrial Training, Diploma Hotel Management.*

Pengenalan

Matlamat bagi setiap institusi teknikal seperti TVET adalah untuk melahirkan profesional yang mahir, cekap di peringkat global melalui pendidikan teknikal yang berkualiti dan menyediakan pelajar mereka untuk pekerjaan di industri. Menurut Padma & Sridhar (2015), untuk melahirkan graduan yang mahir dan bersedia untuk menceburkan kerjaya di industri, adalah perlu untuk mengetahui keperluan industri melalui interaksi antara industri dan institusi. Secara umumnya program kerjasama antara industri dan institusi ini lebih dikenali sebagai Industri dalam Kampus (Industri on Campus – IOC). Seperti yang dijelaskan oleh Padma dan Sridhar (2015), melalui interaksi institusi-industri yang baik dan tersusun, program ini dapat mempromosikan pendidikan dan keusahawanan yang diperlukan oleh industri. Program Industri Dalam Kampus (IOC) dilihat dapat menyediakan platform terbaik untuk mempamerkan amalan terbaik, kemajuan teknologi terkini, dan pelaksanaan serta impaknya terhadap industri. Untuk membina hubungan baik antara industri dan institusi, institusi perlu mempunyai Memorandum Persefahaman (MoU) dengan industri.

Banyak institusi TVET telah menjalankan Program Industri di Kampus (IOC) untuk mewujudkan kerjasama antara Politeknik dan Kolej Komuniti dengan industri (Razak & Halili, 2023). Antara program yang terlibat adalah Diploma Pengurusan Hotel di Politeknik Metro Kuala Lumpur (PMKL). Tujuannya adalah untuk merapatkan jurang antara pembelajaran akademik dan amalan industri dunia sebenar dalam bidang pengurusan hotel. Disebabkan itu, untuk program IOC PMKL, kelas praktikal bukan dilaksanakan di kampus tetapi pelajar akan di bawa ke hotel untuk merasa sendiri pengalaman sebenar bekerja di hotel. Walau bagaimanapun, secara teorinya program IOC dilihat dapat menyediakan pelajar untuk kerjaya dalam industri pekerjaan. Namun begitu, dari segi realitinya masih banyak pengangguran dalam kalangan graduan (Hazwan, 2024) dan graduan yang kurang kemahiran (Seri Wong Chun Lai, 2024) sedangkan umumnya pelajar IPTA akan melalui latihan industri di semester akhir pengajian. Berdasarkan situasi ini kajian perlu dijalankan untuk mengenal pasti sejauh mana persetujuan

pelajar terhadap keberkesanan program IOC yang dijalankan bagi program pengurusan hotel. Kajian ini penting untuk menilai sama ada program IOC menyokong secukupnya pelajar dalam memenuhi permintaan dan jangkaan industri, dan sama ada ia meningkatkan kebolehpasaran mereka selepas tamat pengajian.

Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti Peranan program Industri Dalam Kampus (IOC) terhadap ketersediaan pelajar Diploma Pengurusan Hotel PMKL memasuki industri sebenar.

Sorotan Kajian

Menurut Padma & Sridhar (2015), program IOC akan menggalakkan pakar industri untuk mengambil bahagian dalam reka bentuk kurikulum yang memainkan peranan penting dalam menyediakan pelajar bersedia untuk industri. Banyak kajian menunjukkan bahawa perkongsian antara institusi akademik dan pihak berkepentingan industri adalah penting untuk membangunkan program pengurusan kerjaya yang berkesan yang merangkumi latihan amali, bimbingan dan peluang pembelajaran berasaskan projek (Bridgstock, 2011; Raj, 2023; Sutiman et al., 2022).

Kerjasama sedemikian membolehkan pelajar melibatkan diri dalam pengalaman pembelajaran yang tulen, yang secara signifikan meningkatkan pemahaman mereka tentang amalan dan jangkaan industri (Pusiran et al., 2020). Kerjasama institusi-industri juga boleh meningkatkan hubungan program pendidikan yang ditawarkan oleh institusi dengan keperluan industri, sekali gus meningkatkan kualiti pendidikan teknikal (Li, 2023; Wang et al., 2019). Dengan adanya pandangan industri ke dalam pembangunan kurikulum, institusi boleh menyediakan pelajar dengan lebih baik untuk memenuhi tuntutan tenaga kerja (Huang, 2023).

Di samping itu, pengalaman pembelajaran di industri akan melengkapkan pelajar dengan kemahiran yang diperlukan untuk mengharungi cabaran dunia sebenar (Min, 2023). Kajian telah menunjukkan bahawa pelajar yang menyertai latihan industri menunjukkan peningkatan kebolehan menyelesaikan masalah dan pemahaman yang lebih mendalam tentang bidang mereka (Menon et al., 2021). Pendekatan IOC ini telah dikaitkan dengan peningkatan kebolehpasaran, kerana pelajar memperoleh pengalaman dan pandangan secara langsung tentang amalan industri (Sánchez, 2013).

Metodologi Kajian

Kajian ini dijalankan menggunakan pendekatan kuantitatif. Responden yang dipilih adalah pelajar dari program Diploma Pengurusan Hotel di Politeknik Metro Kuala Lumpur (PMKL) yang telah menjalani latihan praktikal di hotel. Seramai 50 pelajar telah terlibat dalam kajian ini. Instrumen kajian yang digunakan adalah borang soal selidik *Google Form* yang diedarkan secara dalam talian menggunakan teknik pensampelan rawak. Item kajian dibina sendiri, namun semua item telah disemak oleh pensyarah yang mengajar metodologi untuk memastikan ketepatan pembinaan instrumen. Kebolehppercayaan 20 item yang digunakan menunjukkan nilai Cronbach Alpha yang sangat tinggi, iaitu 0.982. Data yang diperoleh akan dianalisis secara deskriptif untuk menentukan tahap berdasarkan nilai skor min. Untuk menilai sejauh mana mereka bersetuju terhadap item kajian. Penentuan tahap berdasarkan skor min adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1 dipetik dalam kajian Ngadiman et al. (2019).

Jadual 1: Tafsiran Skor Min

Skor min	Tafsiran
1.00 – 1.99	Lemah
2.00 – 2.99	Rendah
3.00 – 3.99	Sederhana
4.00 – 5.00	Tinggi

Hasil Kajian

Latar Belakang Responden

Jadual 2: Latar Belakang Responden

	Item	n	%
Jantina	Lelaki	26	51.0
	Perempuan	25	49.0
Semester	3.00	24	47.1
	4.00	14	27.5
	5.00	13	25.5
HPNM	2.00 - 2.99	2	3.9
	3.00 - 3.33	13	25.5
	3.43 - 3.67	24	47.1
	3.68 - 4.00	12	23.5

Jadual 2 menunjukkan latar belakang responden yang terlibat dalam kajian ini. Bilangan responden adalah seramai 51 terdiri daripada pelajar lelaki 26 orang (51.0%) manakala perempuan 25 orang (49.0%). Bagi semester pengajian, majoriti responden berada pada semester 3 (47.1%), diikuti semester 4 (27.5%) dan semester 5 (25.5%). Dari segi pencapaian akademik (HPNM), kebanyakan responden memperoleh HPNM dalam julat 3.43–3.67 (47.1%), diikuti oleh julat 3.00–3.33 (25.5%), 3.68–4.00 (23.5%), dan hanya segelintir yang berada dalam julat 2.00–2.99 (3.9%). Data ini menggambarkan bahawa majoriti responden mempunyai tahap pencapaian akademik yang baik.

Peranan Program Industri Dalam Kampus (IOC) Terhadap Kerjaya di Industri

Persetujuan pelajar dalam kajian ini akan dibahagiakan kepada tiga iaitu:

- Peranan Program IOC terhadap Kemahiran Pelajar dalam Pengurusan Hotel (Jadual 3)
- Kesiapsiagaan Memasuki Industri perhotelan (Jadual 4)
- Keberkesanan Program IOC dalam Menyediakan Pelajar untuk Industri (Jadual 5)

Jadual 3: Peranan Program IOC terhadap Kemahiran Pelajar dalam Pengurusan Hotel

No	Pemboleh ubah/ Item	S.P	Min	Tahap
1	Saya mendapat pengetahuan praktikal yang berguna untuk industri perhotelan.	0.816	4.333	Tinggi
2	Program IOC membantu saya mempelajari kemahiran yang relevan untuk industri perhotelan.	0.872	4.196	Tinggi

3	Program IOC membantu saya mengaplikasikan teori dalam kerja sebenar.	0.872	4.196	Tinggi
4	Program IOC meningkatkan kemahiran teknikal saya dalam pengurusan hotel.	0.849	4.137	Tinggi
5	Program IOC memberi pendedahan kepada teknologi yang digunakan dalam industri hotel.	0.864	4.118	Tinggi

Jadual 3 menunjukkan peranan Program IOC dalam meningkatkan kemahiran pelajar dalam pengurusan hotel berdasarkan 5 item. Nilai min yang diperolehi antara 4.118 hingga 4.333. Keseluruhannya, majoriti responden bersetuju bahawa program IOC berkesan dalam meningkatkan kemahiran pelajar dalam pengurusan hotel.

Jadual 4: Kesiapsiagaan Memasuki Industri Perhotelan

No	Pemboleh ubah/ Item	S.P	Min	Tahap
1	Program IOC membantu saya memahami keperluan industri hotel.	0.885	4.235	Tinggi
2	Program IOC memberi gambaran jelas tentang cabaran industri hotel.	0.901	4.216	Tinggi
3	Program IOC membantu saya memahami kemahiran yang dicari oleh majikan dalam industri hotel.	0.849	4.196	Tinggi
4	Pengalaman IOC mempersiapkan saya untuk bekerja dalam pelbagai jabatan hotel.	0.872	4.196	Tinggi
5	Program IOC memberi peluang untuk berhubung dengan profesional industri.	0.865	4.176	Tinggi
6	Program IOC memberi pendedahan tentang budaya kerja dalam industri perhotelan.	0.842	4.176	Tinggi
7	Saya percaya IOC mempersiapkan saya untuk memenuhi keperluan industri hotel.	0.842	4.176	Tinggi
8	Saya lebih bersedia untuk temuduga pekerjaan dalam industri perhotelan selepas IOC.	0.809	4.157	Tinggi
9	Aktiviti IOC membantu saya mengenal pasti kemahiran yang perlu ditingkatkan.	0.849	4.137	Tinggi
10	Program IOC memberi saya keyakinan untuk bekerja dalam industri hotel.	0.858	4.059	Tinggi

Jadual 4 menunjukkan peranan Program IOC dalam kesiapsiagaan memasuki industri perhotelan berdasarkan 10 item. Nilai min yang diperolehi antara 4.059 hingga 4.235. Keseluruhannya, majoriti responden bersetuju bahawa program berkesan dalam meningkatkan kesiapsiagaan pelajar untuk memasuki industri perhotelan.

Jadual 5: Keberkesanan Program IOC dalam Menyediakan Pelajar untuk Industri

No	Pemboleh ubah/ Item	S.P	Min	Tahap
1	Program IOC memberi pengetahuan penting untuk berkembang dalam industri perhotelan.	0.845	4.255	Tinggi
2	Program IOC meningkatkan kemahiran insaniah seperti komunikasi dan kerjasama.	0.862	4.235	Tinggi
3	Program IOC memberi pemahaman lebih baik tentang operasi hotel.	0.839	4.235	Tinggi
4	Program IOC memberi peluang pengalaman praktikal yang mencukupi.	0.832	4.216	Tinggi
5	Aktiviti IOC relevan dengan keperluan industri perhotelan.	0.840	4.118	Tinggi

Jadual 5 menunjukkan keberkesanan Program IOC dalam dalam menyediakan pelajar untuk Industri. Nilai min yang diperoleh antara 4.118 hingga 4.255. Keseluruhannya, majoriti responden bersetuju bahawa program berkesan dalam menyediakan pelajar untuk industri dalam industri perhotelan.

Kesimpulan

Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti sama ada program Industri dalam Kampus (IOC) membantu menyediakan pelajar kepada kerja dalam industri sebenar. Hasil dapatan dibahagikan kepada tiga seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2, 3 dan 4. Hasil kajian mendapati majoriti responden bersetuju bahawa IOC mempunyai peranan yang penting untuk menyediakan pelajar kepada laluan kerjaya di industri khususnya di hotel. Secara rumusannya, Program Industri di Kampus (IOC) memberikan manfaat kepada pelajar pengurusan hotel dengan merapatkan jurang antara pengetahuan akademik dan amalan industri dunia sebenar. Melalui interaksi langsung dengan profesional industri, bengkel, latihan amali, dan pengalaman langsung dalam sektor perhotelan. Pendedahan ini membantu mereka membangunkan kemahiran penting seperti komunikasi, kepimpinan, dan penyelesaian masalah, yang penting untuk kejayaan dalam pasaran kerja yang kompetitif. Selain itu, program IOC meningkatkan kebolehpasaran pelajar dengan melengkapkan mereka dengan pengalaman praktikal, peluang rangkaian, dan pemahaman yang lebih mendalam tentang jangkaan industri, menjadikan mereka calon yang sesuai kepada bakal majikan dalam industri perhotelan.

Penghargaan

Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak pengurusan Politeknik METrO Kuala Lumpur dan The Ruma Hotel & Residences Kuala Lumpur atas kerjasama yang diberikan dalam menjayakan kajian ini. Ucapan terima kasih turut ditujukan kepada pelajar Diploma Pengurusan Hotel PMKL Semester 3 atas kesudian memberikan maklum balas terhadap soal selidik yang dijalankan. Penghargaan khas juga ditujukan kepada Pegawai IOC PMKL, Puan Nor Khafiza binti Muhammad Saleh, atas bantuan, bimbingan dan sokongan yang amat berharga sepanjang pelaksanaan kajian ini.

Rujukan

- Bridgstock, R. (2011). Skills for creative industries graduate success. *Education + Training*, 53(1), 9-26.
- Hazwan, F. M. (2024, November 27). 195 juta graduan berpendidikan tinggi kerja tak setara kelayakan. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2024/11/1326832/195-juta-graduan-berpendidikan-tinggi-kerja-tak-setara-kelayakan>
- Huang, Y. (2023). Research on deepening mechanism of university-enterprise cooperation and industry-education integration in undergraduate and vocational education. *Education Theory Teaching and Learning*, 1-5.
- Li, H. (2023). Research and practice on the construction of municipal industry-education consortium based on the integration of industrial chain, innovation chain, talent chain, and education chain. *Journal of Contemporary Educational Research*, 7(12), 53-63.
- Menon, S., Suresh, M., & Raman, R. (2021). Enablers facilitating industry-academia, transnational education and university-community partnering agility in higher education. *Higher Education Skills and Work-Based Learning*, 12(3), 604-626.
- Min, T. (2023). The guidelines for developing the integration of production, education, and research under the background of "double high plan" in guizhou, china. *International Journal of Higher Education*, 12(5), 185.
- Ngadiman, D. W. T., Yacoob, S. E., & Wahid, H. (2019). Tahap Harga Diri Kumpulan Berpendapatan Rendah yang Berhutang dan Peranan Organisasi dalam Sektor Perladangan. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 12(2), 238-254.
- Padma, M. C., & Sridhar, V. (2015). Role of industry-institute interaction to promote education and entrepreneurship. In *Proceedings of the International Conference on Transformations in Engineering Education: ICTIEE 2014* (pp. 595-596). Springer India.
- Pusiran, A., Janin, Y., Ismail, S., & Dalinting, L. (2020). Hospitality internship program insights. *Worldwide Hospitality and Tourism Themes*, 12(2), 155-164.
- Raj, S. (2023). Tourism education and career readiness: a case study of himachal pradesh government schools. *JoTE*, 3(2), 85-92.
- Razak, R. A., & binti Halili, S. H. (2023). Tahap kesedaran terhadap matlamat Blueprint Smart Green Polycc 2021-2026 (BSGPCC) dalam kalangan ahli akademik Politeknik. *JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 11(3), 51-55.
- Sánchez, J. (2013). The impact of an entrepreneurship education program on entrepreneurial competencies and intention. *Journal of Small Business Management*, 51(3), 447-465.
- Seri Wong Chun Lai. (2024, November 27). Graduan Malaysia didapati kurang kemahiran berkomunikasi, inovasi dan kemahiran kepimpinan. *Dagang News*. *Dagang News*. <https://dagangnews.com/article/parafrasa/graduan-malaysia-didapati-kurang-kemahiran-berkomunikasi-inovasi-dan-kemahiran-kepimpinan-43619>
- Sutiman, S., Sofyan, H., Arifin, Z., Nurtanto, M., & Mutohhari, F. (2022). Industry and education practitioners' perceptions regarding the implementation of work-based learning through industrial internship (wbl-ii). *International Journal of Information and Education Technology*, 12(10), 1090-1097.
- Wang, S., Zhang, Y., & Yu, L. (2019). Research on the path and mechanism of integration of industry and education in personnel training..